

RABU • 20.12.2017

kota@utusangroup.com.my

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



UTUSAN KOTA

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

PERLU PERHATIAN
SEGERA



PIHAK berkuasa tempatan perlu mengambil tindakan segera. Longkang berdekatan juga perlu dinaik taraf agar saliran tidak tersumbat. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP)



HARUN KENTOL
Kampung Rinching Hulu

STESEN bas Taman Mutiara Rinching ini perlu dialihkan ke tempat lain bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di kawasan itu sekali gus memastikan kemalangan tidak berulang.

MUHAMMAD FAIZ RAHMAD
Penduduk



KEADAAN stesen bas yang uzur ini bukan perkara baharu tetapi sudah lebih lima tahun. Saya agak terkilan dengan sikap pihak yang sepatutnya bertanggungjawab hanya mengambil sikap berdiam diri.

N. LOGMABAL



PONDOK bas yang tidak diselenggara dengan baik di sekitar Bandar Rinching, Semenyih, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

KAMI PANTAU
KHDIMAT ANDA

Pengguna mahu tindakan segera baik pulih kemudahan awam

PBT 'tidur', pondok bas terbiar

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

SEMENYIH 19 DIS.

SERINGKALI diajukan pertanyaan mengenai pengangkutan awam, perkara yang diberi keutamaan adalah keadaan kenderaan atau ketepatan masa sehingga banyakk pihak terlepas pandang, tentang kemudahan tempat menunggu pengangkutan awam itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Semenyih mendapati beberapa pondok bas tidak diturus dengan baik dan kelihatan sangat menakutkan terutamanya pada waktu malam.

Pasti menimbulkan tanda tanya kepada pengunjung luar sama ada kemudahan tersebut masih digunakan ataupun terbiar.

Masakan tidak, papan tandanya telah ditutupi pokok-pokok kecil dan seolah menjadi lokasi penggambaran filem seram.

Berdasarkan pemerhatian, palang hadapan serta lantai di stesen bas kawasan itu ada yang rosak selain tempatnya dipenuhi semak serta sampah sarap. Paling mengejutkan adalah pondok bas berkenaan masih digunakan oleh kira-kira 338 penduduk Kampung Rinching dan kawasan sekitarnya.

Penduduk akan menunggu bas untuk ke Bandar Semenyih dan Kajang dan ada antara mereka menjadikannya peng-

angkutan utama setiap hari. Penduduk mendakwa laporan telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) namun, tiada sebarang tindakan yang diambil walhal perkara tersebut bukan sahaja menjelikan persekitaran malah membahayakan pengguna.

Difahamkan, pondok bas di Taman Mutiara Rinching pernah berlaku kemalangan melibatkan penumpang motosikal melanggar belakang bas ekoran lokasi

pondok bas tersebut yang tidak sesuai.

Bayangkan, bas tidak mengambil penumpang di tempat yang disediakan iaitu bersebelahan pondok bas sekali gus menyebabkan berlaku kesesakan lalu lintas dan membahayakan pengguna jalan raya lain.

Diharap pihak yang berkenaan tidak 'tidur' dan mengambil tindakan sewajarnya demi kesesuaian penduduk di kawasan tersebut.

MAKLUM BALAS



PENGHADANG keselamatan yang rosak seperti ini membahayakan pengguna jalan raya.



SEORANG penduduk tidak mempunyai pilihan dan terpaksa berteduh di pondok bas yang rosak.

MPKj janji baik pulih pondok bas

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berjanji akan membuat siasatan perhubungan pondok bas yang tidak diselenggara dengan baik sehingga kelihatan seperti kemudahan awam yang terbiar.

Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izzan Sulaiman berkata, sekiranya benar perkara tersebut pihaknya akan mengambil

tindakan segera.

"Pihak kami akan turun padang dan melihat masalah ini. Jika benar, MPKj akan membaiki kemudahan berkenaan demi kesejahteraan serta kesesuaian penduduk setempat.

"Bagaimanapun, di harap penduduk juga dapat memberi kerjasama yang baik kepada MPKj agar mengurangkan gejala vandalisme," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Dalam perkembangan lain, Kamarul Izzan memberitahu, pihaknya bersedia menerima pandangan daripada orang ramai jika ia memberi manfaat untuk semua.

"Kedudukan stesen bas Taman Mutiara Rinching akan dikaji semula setelah didakwa tidak sesuai berada di tempat berkenaan. MPKj sentiasa mendengar cadangan daripada orang awam," katanya lagi.



KEGAGALAN menyelenggara pondok bas di sekitar Semenyih menyebabkan kemudahan itu berukar menjadi set penggambaran filem seram.